

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI (INBOUND) DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**





**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN  
PROGRAM  
MOBILITI  
(INBOUND)  
DI INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI  
MALAYSIA**

**Cetakan Pertama 2022**

© Hak Cipta Jabatan Pendidikan Tinggi,  
Kementerian Pengajian Tinggi

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya  
Tel: 03-8870 6000 | Faks: 03-8870 6849

Dicetak di Malaysia oleh:

REKA CETAK SDN BHD  
14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5510 4254

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI (INBOUND) DI INSTITUSI

PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2828-25-9

1. Education, Higher--Activity programs--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
2. Activity programs in education--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

378.1


e ISBN 978-967-2828-25-9



9 7 8 9 6 7 2 8 2 8 2 5 9

## ISI KANDUNGAN

<b>SENARAI EDITOR DAN PENGHARGAAN</b>	<b>4</b>
<b>KATA PENGANTAR</b>	<b>5</b>
<b>PRAKATA</b>	<b>6</b>
<b>KATA ALU-ALUAN</b>	<b>7</b>
<b>TUJUAN</b>	<b>9</b>
<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>9</b>
<b>TAFSIRAN</b>	<b>10</b>
<b>KATEGORI PROGRAM</b>	<b>14</b>
<b>SYARAT KELAYAKAN IPT</b>	<b>15</b>
<b>PENENTUAN JUMLAH KREDIT DAN PEMINDAHAN KREDIT</b>	<b>15</b>
<b>TANGGUNGJAWAB IPT HOS</b>	<b>16</b>
<b>TANGGUNGJAWAB PELAJAR MOBILITI ATAU PESERTA <i>EDUTOURISM</i></b>	<b>18</b>
<b>TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN EDUCATION MALAYSIA</b>	<b>19</b>
<b>TANGGUNGJAWAB EMGS</b>	<b>19</b>
<b>PROSEDUR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM</b>	<b>20</b>
<b>KEMUDAHAN PAS IMIGRESEN</b>	<b>22</b>
<b>PEMBATALAN KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM</b>	<b>23</b>
<b>PEMAKAIAN</b>	<b>23</b>
<b>LAMPIRAN A</b>	<b>24</b>
<b>LAMPIRAN B</b>	<b>27</b>
<b>LAMPIRAN C</b>	<b>28</b>
<b>LAMPIRAN D</b>	<b>30</b>
<b>LAMPIRAN E</b>	<b>32</b>
<b>LAMPIRAN F</b>	<b>33</b>
<b>LAMPIRAN G</b>	<b>34</b>
<b>LAMPIRAN H</b>	<b>35</b>
<b>LAMPIRAN I</b>	<b>36</b>



## **SENARAI EDITOR**

Mohd Azmir bin Mohd Nizah  
Nurru Adila binti Ibrahim  
Athirah binti Ahmad  
Norliana binti Salimun  
Soon Ban Yee  
Nor Ain Syahirah binti Azhar  
Redhauddin Kamaruzaman  
Poh Soi Ai  
Tina binti Mustafa  
Nurul Yasmin binti Abdullah  
Fitreel Huda binti Ab Rahim  
Syifa Azzahra binti Shamsuddin

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Imigresen Malaysia, Education Malaysia Global Services, Agensi Kelayakan Malaysia, Tourism Malaysia, Institusi Pendidikan Tinggi serta Bahagian-Bahagian di Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah menyumbangkan input dan maklum balas, gambar pelaksanaan Program Mobiliti (*Inbound*) dan komitmen pada sesi perbincangan dan bengkel semasa pembangunan garis panduan ini.

## **KATA PENGANTAR**

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

W abak pandemik COVID-19 telah meletakkan sektor pendidikan tinggi di Malaysia dan seluruh dunia di bawah tekanan yang besar. Langkah berjaga-jaga yang diambil untuk kesihatan dan keselamatan orang ramai seperti penutupan sempadan negara dan ujian kesihatan berkala pastinya mempengaruhi mobiliti antarabangsa untuk pendidikan, jaringan dan kerjasama.

Bagi mengekalkan minat pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia ketika penutupan sempadan negara, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengenal pasti beberapa keperluan untuk meningkatkan usaha sedia ada. Salah satunya adalah mengadaptasi penggunaan teknologi digital ke dalam kaedah penganjuran program mobiliti secara maya (*Virtual Mobility*).

Penggunaan teknologi digital telah membantu mencapai objektif program mobiliti di samping mewujudkan peluang yang lebih meluas kepada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran mereka di IPT Malaysia. Penciptaan kandungan digital juga membawa lebih banyak peluang untuk pembangunan repositori kandungan pendidikan yang boleh diguna dan dilawati semula oleh pelajar serta dikongsi dengan kumpulan pelajar atau institusi lain.

Terima kasih dan tahniah kepada semua yang mengambil bahagian dalam pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan Program Mobiliti (*Inbound*) di IPT Malaysia. Garis panduan ini sudah pasti menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan program Mobiliti (*Inbound*) di IPT Malaysia, seiring dengan evolusi program mobiliti.

**Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar**

## **PRAKATA**

### **KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

**S**yabas dan tahniah kepada Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi serta semua pihak yang telah menyumbang masa dan usaha dalam pembangunan dan penghasilan dokumen Garis Panduan Pelaksanaan Program Mobiliti (*Inbound*) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia. Garis Panduan ini pastinya akan memberi manfaat sebagai dokumen rujukan bagi semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan program Mobiliti (*Inbound*) di IPT negara ini.

Program Mobiliti merupakan salah satu pilihan program pengajian dalam tempoh singkat yang penting untuk menarik minat pelajar antarabangsa, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT di Malaysia. Program ini memberikan ruang kepada pelajar antarabangsa di serata dunia untuk belajar melalui pengalaman mengenai ilmu dan budaya di Malaysia. Justeru, pelaksanaan program Mobiliti (*Inbound*) mempunyai peluang yang sangat besar untuk meningkatkan keterlihatan jenama pendidikan tinggi negara ke peringkat global.

Sejajar dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] yang mensasarkan sejumlah 250,000 orang pelajar antarabangsa di Malaysia menjelang tahun 2025, program Mobiliti (*Inbound*) yang menawarkan pelbagai pilihan kursus dan bidang merupakan salah satu strategi penting bagi mencapai sasaran tersebut.

Harapan saya, semoga garis panduan ini menjadi rujukan buat semua pihak berkepentingan dan seterusnya mampu meningkatkan kualiti pelaksanaan program Mobiliti (*Inbound*) di IPT Malaysia.

**Dato' Prof. Dr. Husaini bin Omar**

## **KATA ALU-ALUAN**

### **PENGARAH BAHAGIAN EDUCATION MALAYSIA**

**S**eiring dengan kemajuan teknologi digital dan impak pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, Program Mobiliti telah mengalami transformasi dari sudut pelaksanaannya. Program Mobiliti pada masa ini boleh dilaksanakan secara fizikal dan secara maya dengan bantuan teknologi yang ada. Perbezaan mod dan kategori Program Mobiliti telah mencetuskan keperluan prosedur yang berlainan bagi pelaksanaan program ini.

Oleh yang demikian, Bahagian Education Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Mobiliti (*Inbound*) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia. Beberapa siri perbincangan dan libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan telah diadakan dalam usaha membangunkan garis panduan ini.

Maka, garis panduan ini adalah hasil kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dengan wakil-wakil IPT, kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkaitan yang telah menyumbangkan input bagi memastikan garis panduan ini sejajar dengan dasar, polisi dan garis panduan kerajaan. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan supaya garis panduan ini dapat memberi panduan yang jelas berhubung mekanisme pelaksanaan dan pengurusan program Mobiliti (*Inbound*) di IPT di Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyedia dokumen dari Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah berjaya menerbitkan dokumen Garis Panduan Pelaksanaan Program Mobiliti (*Inbound*) di IPT Malaysia yang informatif dan komprehensif untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak berkaitan.

**Prof. Madya Dr. Mohd Azmir bin Mohd Nizah**





## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI (INBOUND) DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

## **TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan mekanisme pelaksanaan dan pengurusan program Mobiliti (*Inbound*) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia, yang meliputi tiga (3) program utama seperti berikut:

- Mobiliti Fizikal;
- *Virtual Mobility*; dan
- *Edutourism*.

## **LATAR BELAKANG**

Selaras dengan hasrat dan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa seperti yang digariskan di bawah Lonjakan 8: Keunggulan Global, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) komited dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian dengan sasaran enrolmen pelajar antarabangsa seramai 250,000 orang menjelang 2025 melalui penawaran pelbagai program, termasuk program Mobiliti. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2015 telah memberikan kelulusan bagi mempermudahkan lagi prosedur kemasukan pelajar antarabangsa untuk mengikuti program Mobiliti di negara ini.

Usaha ini dipergiat atas inisiatif kerjasama KPT dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Tourism Malaysia untuk menjadikan program *Edutourism* (pelancongan pendidikan) sebagai salah satu kategori program Mobiliti dalam menggalakkan pelajar dan pelancong antarabangsa menyambung pengajian di negara ini.

Ketika situasi Pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia, KPT mempergiat transformasi program Mobiliti kepada kaedah pelaksanaan secara maya atau Mobiliti Maya (*Virtual Mobility*), Mobiliti Teradun (*Blended Mobility*) dan Mobiliti Hibrid (*Hybrid Mobility*).

## TAFSIRAN

1. Dalam Garis Panduan ini:

“  
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) komited dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian dengan sasaran enrolmen pelajar antarabangsa seramai 250,000 orang menjelang 2025 melalui penawaran pelbagai program, termasuk program Mobiliti ”

- i. **Program Mobiliti** adalah program akademik yang dianjur dan dilaksanakan oleh IPT di Malaysia yang melibatkan pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPT luar negara dan dihadiri **secara bersemuka dan/atau secara dalam talian**. Program Mobiliti boleh dilaksanakan secara berkredit atau tidak berkredit mengikut ketetapan IPT. Program ini boleh dilaksanakan secara jangka pendek iaitu dalam tempoh satu (1) hari atau minimum empat hingga lapan (4-8) jam secara kumulatif hingga tiga (3) bulan dan jangka panjang iaitu dalam tempoh melebihi tiga (3) bulan hingga dua belas (12) bulan.
- ii. **Program Mobiliti Fizikal** adalah program akademik yang dianjur dan dilaksanakan oleh IPT di Malaysia yang melibatkan pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPT luar negara dan dihadiri **secara bersemuka**. Program Mobiliti Fizikal boleh dilaksanakan secara berkredit atau tidak berkredit mengikut ketetapan IPT. Program ini boleh dilaksanakan secara jangka pendek iaitu dalam tempoh satu (1) hari atau minimum empat hingga lapan (4-8) jam secara kumulatif hingga tiga (3) bulan dan jangka

panjang iaitu dalam tempoh melebihi tiga (3) bulan hingga dua belas (12) bulan, dan melibatkan kemudahan pas imigresen.

- iii. **Program Virtual Mobility** adalah program akademik yang diadakan **secara dalam talian** yang dianjur dan dilaksanakan oleh IPT di Malaysia yang melibatkan pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPT luar negara. Program *Virtual Mobility* boleh dilaksanakan secara berkredit atau tidak berkredit mengikut ketetapan IPT. Program ini boleh dilaksanakan secara jangka pendek iaitu dalam tempoh satu (1) hari atau gabungan masa minimum empat hingga lapan (4-8) jam hingga tiga (3) bulan dan jangka panjang iaitu dalam tempoh melebihi tiga (3) bulan hingga dua belas (12) bulan, dan tidak melibatkan kemudahan pas imigresen.
- iv. **Program Pelancongan Pendidikan atau Edutourism** adalah satu program di bawah program Mobiliti yang ditakrifkan sebagai aktiviti pelancongan oleh seseorang yang melakukan lawatan ke Malaysia di mana proses pendidikan dan pembelajaran di IPT Malaysia merupakan sumbangan terbesar dalam lawatan mereka. Program ini melibatkan kemasukan pelajar atau pelancong antarabangsa yang bermalam sekurang-kurangnya semalam di negara ini untuk mengikuti program *Edutourism* di IPT Malaysia dalam tempoh masa yang tidak kurang dari satu (1) hari atau lapan (8) jam hingga enam (6) bulan, dan melibatkan kemudahan pas imigresen.
- v. **Program Blended Mobility** adalah program Mobiliti yang sebahagian daripada program tersebut dijalankan secara fizikal dan sebahagian lagi secara dalam talian, dihadiri oleh pelajar yang sama pada kedua-dua sesi fizikal dan dalam talian.
- vi. **Program Hybrid Mobility** adalah program Mobiliti yang dihadiri oleh sebahagian pelajar secara fizikal dan sebahagian lagi secara maya pada waktu yang sama.
- vii. **Inbound** merujuk kepada kemasukan pelajar atau pelancong antarabangsa ke Malaysia untuk mengikuti kursus yang ditawarkan di mana-mana IPT di negara ini.
- viii. **Pas Lawatan Sosial [PL(S)]** adalah diperlukan oleh pelajar program Mobiliti Fizikal dan peserta program *Edutourism* dengan jangka masa tidak melebihi tiga (3) bulan atau berdasarkan kelayakan **PL(S)** mengikut kelayakan negara masing-masing.
- ix. **Pas Pelajar** adalah diperlukan oleh pelajar program Mobiliti Fizikal dan peserta program *Edutourism* dengan jangka masa melebihi tiga (3) bulan hingga dua belas (12) bulan atau untuk tempoh program yang melebihi kelayakan PL(S).

- x. **Pas Lawatan (Ikhtisas) (PLIK)** adalah diperlukan oleh pelajar program Mobiliti Fizikal dan peserta program *Edutourism* di negeri Sabah dan Sarawak, tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri masing-masing.
  - xi. **IPT Hos** adalah IPT di Malaysia yang menganjurkan dan melaksanakan program Mobiliti (*Inbound*).
  - xii. **MyMoheS** ialah Sistem Pengumpulan Data yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi data berkaitan Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti termasuk data kemasukan, enrolmen dan keluaran di UA, Politeknik dan Kolej Komuniti.
  - xiii. **e-IPTS** ialah Sistem Pengumpulan Data yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi data berkaitan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) termasuk data kemasukan, enrolmen dan keluaran di IPTS.
2. **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** selaku kementerian yang menyelaras segala dasar serta pelaksanaan program Mobiliti di IPT di bawah seliaannya.
  3. **Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** selaku agensi kawal selia terhadap IPT dan bertanggungjawab ke atas dasar serta pelaksanaan program Mobiliti.
  4. **Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** selaku jabatan yang mengawal selia Politeknik dan Kolej Komuniti.
  5. **Education Malaysia Global Services (EMGS)** ialah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah bidang kuasa KPT yang ditubuhkan pada tahun 2013 dan bertanggungjawab sebagai **pusat sehenti** bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa dan juga mempromosikan Malaysia di peringkat global.
  6. **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa oleh UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.
  7. **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)** selaku penguatkuasa undang-undang bagi menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara.
  8. **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)** sebagai Jabatan yang bertanggungjawab memberikan kemudahan imigresen kepada peserta program Mobiliti yang datang ke Malaysia.

9. **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk mengawal selia segala perjalanan aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh semua pemegang taruh industri yang terlibat.
10. **Tourism Malaysia** sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang bekerjasama dengan KPT bagi mempromosikan keunikan seni, budaya dan warisan Malaysia serta produk-produk pelancongan yang dibangunkan untuk program *Edutourism* Malaysia.
11. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam penentuan syarat saringan kesihatan dan rawatan bagi pelajar antarabangsa.
12. **Majlis Keselamatan Negara (MKN)** sebagai badan yang menggubal Prosedur Operasi Standard (SOP) serta mengawal pematuhan SOP sepanjang pelaksanaan program Mobiliti yang berlangsung sewaktu bencana atau krisis keselamatan negara.
13. **Agenzia Kelayakan Malaysia (MQA)** sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi program atau kelayakan pendidikan tinggi negara.

“

Program Mobiliti adalah program akademik yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh IPT di Malaysia yang melibatkan pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPT luar negara dan dihadiri secara bersemuka dan/ atau secara dalam talian

”




14. **IPT di Malaysia** ialah:

- Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] termasuk *International Islamic University of Malaysia* (IIUM) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173];
- Politeknik dan Kolej Komuniti yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]; dan
- Institusi Pendidikan Tinggi Swasta iaitu organisasi atau institusi pendidikan, termasuklah universiti, atau kolej universiti, atau kampus cawangan luar negeri atau kolej yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

## KATEGORI PROGRAM

**Program Mobiliti Fizikal, Program Virtual Mobility, Program Blended Mobility dan Program Hybrid Mobility** adalah program anjuran IPT yang melibatkan aktiviti seperti berikut :

- akademik dan penyelidikan;
- pertukaran pelajar;
- mobiliti industri;
- lawatan akademik;
- kursus musim panas/sejuk;
- lawatan suai kenal;
- pemindahan kampus;
- pertukaran budaya;
- sangkutan klinikal;
- latihan industri/latihan amali; dan
- lain-lain aktiviti yang berkaitan.



**Program Edutourism** terdiri daripada **11 kategori** pakej yang berdaftar dengan **Kementerian Pengajian Tinggi melalui Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi** iaitu:

- Agriculture and Veterinary (AAV);
- Arts and Social Science (ANS);
- Business and Entrepreneurship (BAE);
- Culinary Arts and Hospitality (CAH);
- Environmental and Health Science (EAH);
- Food, Culture and Heritage (FCH);
- Language and Communication (LAC);
- Leadership and Management (LAM);
- Nature and Adventure (NAA);
- Science and Technology (SAT); dan
- Sports (SPT).

## **SYARAT KELAYAKAN IPT**

Syarat kelayakan bagi institusi yang terlibat dalam pelaksanaan program Mobiliti Fizikal, Virtual Mobility dan *Edutourism* adalah seperti berikut:

- Universiti awam;
- Politeknik dan Kolej Komuniti yang mempunyai kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa daripada KDN yang **masih sah**; dan
- Institusi Pendidikan Tinggi Swasta berstatus universiti termasuk kampus cawangan luar negeri/kolej universiti/kolej yang memiliki perakuan pendaftaran institusi, kelulusan mengendalikan kursus pengajian dan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa daripada KDN yang **masih sah** serta mempunyai penarafan kualiti SETARA bagi universiti termasuk Cawangan Luar Negeri/Kolej Universiti atau MyQuest bagi Kolej dengan tahap pencapaian 4 hingga 6 Bintang.

## **PENENTUAN JUMLAH KREDIT DAN PEMINDAHAN KREDIT**

Sebarang urusan penentuan jumlah kredit dan pemindahan kredit bagi program Mobiliti Fizikal, *Virtual Mobility*, *Blended Mobility*, *Hybrid Mobility* dan *Edutourism* adalah tertakluk kepada dasar-dasar semasa yang ditetapkan oleh KPT dan MQA serta persetujuan/kelulusan oleh Senat/Pengurusan IPT masing-masing.

## **TANGGUNGJAWAB IPT HOS**

IPT Hos adalah bertanggungjawab untuk:

1. Mendaftarkan Program/Pakej *Edutourism* kepada KPT (melalui **Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Aras 4, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya** khusus **bagi IPT yang terlibat** (seperti di **Lampiran A**); setelah mendapat kebenaran daripada JPT/ JPPKK, tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian ini dari semasa ke semasa;
2. Melaksanakan penapisan permohonan penyertaan program dan memastikan segala permohonan adalah tulen dan berintegriti;
3. Mengeluarkan surat tawaran mengikut keperluan program untuk program Mobiliti Fizikal, *Virtual Mobility*, *Blended Mobility*, *Hybrid Mobility* dan *Edutourism* kepada peserta (sila rujuk contoh format seperti di **Lampiran B**);
4. Memberikan nombor pendaftaran pelajar kepada semua pelajar/peserta program Mobiliti;
5. Mengemukakan permohonan penyertaan pelajar/ peserta program Mobiliti secara fizikal dan *Edutourism* kepada EMGS;
6. Memastikan semua pelajar program Mobiliti secara fizikal atau peserta program *Edutourism* mempunyai pas yang sah;
7. Memastikan pelajar/peserta mengikuti sepenuhnya program Mobiliti Fizikal, *Virtual Mobility*, *Blended Mobility*, *Hybrid Mobility* atau *Edutourism* dan program tersebut berjalan seperti yang dirancang;
8. Melaporkan kepada KPT (Bahagian Education Malaysia), PDRM dan JIM (Bahagian Visa, Pas dan Permit) dengan serta merta sekiranya pelajar atau peserta yang telah memasuki negara ini gagal menghadiri program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* atau peratusan ketidakhadirannya mencapai 30 peratus tanpa sebab;
9. Membuat permohonan pembatalan pas kepada JIM melalui EMGS dengan serta merta sekiranya pelajar membatalkan hasrat memasuki negara ini untuk menghadiri program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism*;

10. Memastikan pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* mempunyai perlindungan insurans perjalanan dan insurans kesihatan yang sah;
11. Melaporkan data mengenai pelajar aktif dan yang sedang mengikuti program Mobiliti Fizikal, *Virtual Mobility* dan *Edutourism* kepada KPT secara dwitahunan menerusi sistem **MyMohes** bagi UA, Politeknik dan Kolej Komuniti iaitu setiap **30 Jun** dan **31 Disember** manakala secara suku tahunan menerusi sistem **e-IPTS** bagi IPTS iaitu pada **31 Mac, 30 Jun, 30 September** dan **31 Disember** setiap tahun;
12. Mengemukakan laporan pelaksanaan program Mobiliti dan *Edutourism* yang lengkap dan komprehensif secara **suku tahunan** kepada Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Program Mobiliti di Institusi Pendidikan Tinggi melalui Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi bagi UA dan IPTS atau JPPKK bagi Politeknik dan Kolej Komuniti berdasarkan format yang ditetapkan di **Lampiran C**. IPT hos bertanggungjawab memastikan pihak Kementerian menerima laporan berkenaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan;
13. Memastikan saringan kesihatan bagi pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal dan *Edutourism* dilaksanakan berdasarkan kepada ketetapan semasa dan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia;
14. Mengkaji semula pakej-pakej *Edutourism* yang telah didaftarkan (bagi IPT terlibat) dalam tempoh tiga (3) tahun pelaksanaannya untuk tujuan pemurnian, penambahbaikan dan pengemaskinian.

“

Saringan  
kesihatan bagi  
pelajar/peserta  
program  
Mobiliti Fizikal  
dan *Edutourism*  
dilaksanakan  
berdasarkan  
kepada  
ketetapan  
semasa dan  
sarana  
Kementerian  
Kesihatan  
Malaysia

”

## **TANGGUNGJAWAB PELAJAR MOBILITI ATAU PESERTA EDUTOURISM**

1. Pelajar/peserta yang ingin mengikuti program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* perlu mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:
  - Pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* hendaklah mengemukakan surat tawaran/pengesahan dari IPT yang sah kepada pihak berkuasa sekiranya perlu;
  - Pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* hendaklah memiliki **insurans perjalanan dan insurans kesihatan** yang melindungi peserta sepanjang tempoh program;
  - Tiket penerbangan pulang ke negara asal atau ke negara ketiga (dengan justifikasi yang wajar, tertakluk kepada kelulusan JIM) bagi pelajar/peserta yang menggunakan PL(S) perlu dikemukakan di pintu masuk antarabangsa;
  - Semua urusan permohonan Pas Pelajar dan PL(S) program Mobiliti Fizikal dan *Edutourism* hendaklah melalui EMGS;
  - Tempoh keberadaan pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* di Malaysia adalah tertakluk kepada kelayakan pas yang dikeluarkan oleh JIM; dan
  - Pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* hendaklah mematuhi Prosedur Pergerakan dan Kebenaran Kemasukan Pelajar Antarabangsa/Bukan Warganegara ke IPT Malaysia yang terkini mengikut arahan semasa yang diguna pakai oleh MKN.
2. Pelajar/peserta program Mobiliti yang memerlukan kemudahan pas imigresen hendaklah memastikan **tempoh sah laku pasport** adalah sekurang-kurangnya **minimum enam (6) bulan bagi permohonan program Mobiliti yang melibatkan kemudahan PL(S)** dan **minimum lapan belas (18) bulan bagi permohonan program Mobiliti yang melibatkan kemudahan Pas Pelajar**.
3. Mana-mana pelajar/peserta yang mengikuti program Mobiliti Fizikal atau program *Edutourism* **TIDAK DIBENARKAN BEKERJA** dan terlibat dengan aktiviti yang tidak berkaitan dengan program sepanjang jangka masa program dijalankan.

## TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN EDUCATION MALAYSIA

Bahagian Education Malaysia, JPT melalui Seksyen Koordinasi Pelajar Antarabangsa dan IPT (OA) adalah bertanggungjawab untuk:

01

- Mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Program Mobiliti di Institusi Pendidikan Tinggi (JK Mobiliti IPT) sebagaimana yang digariskan dalam terma rujukan JK Mobiliti IPT di **Lampiran D**.

02

- Menyelaras laporan pelaksanaan program Mobiliti (*Inbound*) dan *Edutourism* UA dan IPTS.


03

- Menyemak, mengurus dan memantau pendaftaran program/pakej *Edutourism* oleh UA dan IPTS.

## TANGGUNGJAWAB EMGS

EMGS adalah bertanggungjawab untuk:

Mengurus semua permohonan Pas Pelajar dan PL(S) bagi program Mobiliti Fizikal dan *Edutourism*.



Mengemukakan pengesahan penerimaan maklumat pelajar program *Edutourism* (Pelajar Antarabangsa yang berdaftar dengan IPT Malaysia) kepada IPT Hos.

Memproses permohonan Pas Pelajar dan PL(S) dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan dibuat.

## **PROSEDUR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM**

1. Prosedur permohonan penyertaan program adalah seperti berikut:
  - i. Prosedur Permohonan Penyertaan Program Mobiliti oleh Pelajar Antarabangsa yang Berdaftar dengan IPT di Luar Negara (seperti di **Lampiran E, F dan G**)
    - Pelajar/IPT luar negara hendaklah memohon untuk mengikuti program Mobiliti Fizikal, *Virtual Mobility*, *Blended Mobility*, *Hybrid Mobility* dan *Edutourism* yang ditawarkan secara terus kepada IPT Hos;
    - IPT Hos membuat penapisan permohonan dan mengeluarkan surat tawaran kepada peserta program Mobiliti yang terpilih;
    - Pelajar/IPT luar negara hendaklah mengemukakan permohonan Pas Pelajar atau PL(S) kepada JIM melalui EMGS (bagi program Mobiliti yang dilaksanakan secara fizikal);
    - Bagi permohonan yang diluluskan, pelajar/IPT luar negara perlu memuat turun surat syor kelulusan EMGS bagi permohonan PL(S) atau *e-Visa Approval Letter* (eVAL) bagi permohonan Pas Pelajar di sistem STARS/laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my) dan mengemukakan surat syor kelulusan EMGS/eVAL di pintu masuk antarabangsa negara. Khusus bagi pelajar dari negara berkaitan, *Single Entry Visa* (SEV) juga diperlukan untuk masuk ke negara ini;
    - Pelajar yang berjaya mendapatkan PL(S) di pintu masuk antarabangsa negara akan mengikuti program sehingga tamat;
    - **Pemohon Pas Pelajar** adalah dikehendaki **menjalani saringan perubatan selepas ketibaan dalam tempoh 7 hari selepas tiba di Malaysia** di mana-mana klinik panel EMGS sebelum diberikan Pas Pelajar;
    - Pelajar yang melepassi saringan perubatan akan diberikan Pas Pelajar oleh JIM dan mengikuti program sehingga tamat;
    - Pelajar melakukan pengesahan keluar dari Malaysia menerusi **Exit Stamp bagi pemegang PL(S)** atau **Check-Out Memo (COM) bagi pemegang Pas Pelajar** sebaik sahaja tamat tempoh program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism*; dan
    - IPT Hos memaklumkan pelajar dengan PL(S) telah menamatkan program Mobiliti Fizikal di sistem STARS atau/laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my).
  - ii. Prosedur Permohonan Penyertaan Program *Edutourism* oleh Pelajar Antarabangsa yang Berdaftar dengan IPT di Malaysia (seperti di **Lampiran H**)
    - Peserta/IPT asal pelajar hendaklah memohon untuk mengikuti program *Edutourism* yang ditawarkan secara terus kepada IPT hos;

- IPT Hos membuat penapisan permohonan dan mengeluarkan surat tawaran kepada peserta yang berjaya dalam permohonan mengikuti program *Edutourism*;
  - IPT Hos mengemukakan pemakluman penyertaan program oleh pelajar kepada EMGS menerusi sistem STARS/laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my);
  - Pelajar/IPT Hos memuat turun surat akuan penerimaan EMGS di sistem STARS/laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my);
  - Pelajar mengikuti program sehingga tamat;
  - IPT Hos memaklumkan pelajar telah menamatkan program di sistem STARS atau di laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my); dan
  - EMGS mengesahkan penerimaan maklumat pelajar tamat program.
- iii. Prosedur Permohonan Penyertaan Program *Edutourism* oleh Pelancong Antarabangsa dari Luar Negara (seperti di **Lampiran I**)
- Peserta hendaklah memohon untuk mengikuti program *Edutourism* yang ditawarkan secara terus kepada IPT Hos;
  - IPT Hos membuat penapisan permohonan dan mengeluarkan surat tawaran kepada peserta program *Edutourism*;
  - IPT Hos/Peserta hendaklah mengemukakan permohonan PL(S) kepada JIM melalui EMGS di sistem STARS/laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my);
  - IPT Hos/Peserta memuat turun surat syor kelulusan EMGS di sistem STARS/ laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my);
  - Peserta mendapatkan *Single Entry Visa* (jika berkenaan) untuk masuk ke negara ini;
  - Peserta diberikan PL(S) mengikut kelayakan negara masing-masing dan mengikuti program sehingga tamat; dan
  - IPT Hos memaklumkan peserta telah tamat pengajian di sistem STARS/laman web EMGS, [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my).
2. Permohonan kepada pihak EMGS boleh dibuat seawal enam (6) minggu dari tarikh pelaksanaan program.
3. Permohonan kemudahan Pas Imigresen adalah tertakluk kepada garis panduan dan peraturan Imigresen yang sedang berkuat kuasa dan prosedur permohonan ke Sabah dan Sarawak tertakluk kepada peraturan semasa Imigresen negeri Sabah dan Sarawak.

## KEMUDAHAN PAS IMIGRESEN

1. Jenis Pas
  - i. Kemudahan Pas untuk program Mobiliti Fizikal dan *Edutourism* adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang Imigresen iaitu:
    - Berdasarkan kelayakan **Pas Lawatan Sosial [PL(S)]** dengan jangka masa tidak melebihi tiga (3) bulan mengikut kelayakan negara masing-masing berdasarkan kelayakan visa bagi setiap negara dan kesesuaian tempoh program seperti prosedur sedia ada; dan
    - Kemudahan **Pas Pelajar** dengan jangka masa melebihi tiga (3) bulan hingga dua belas (12) bulan atau untuk tempoh program yang melebihi kelayakan PL(S) berdasarkan kelayakan visa bagi setiap negara dan kesesuaian tempoh program seperti prosedur sedia ada.
    - Kemudahan **Pas Lawatan (Ikhtisas) (PLIK)** diberikan kepada pelajar program Mobiliti Fizikal dan peserta program *Edutourism* di negeri Sabah dan Sarawak, tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri masing-masing.
  - ii. Surat syor kelulusan/*Visa Approval Letter* (VAL) dari EMGS perlu dikemukakan oleh pelajar/peserta program Mobiliti Fizikal dan *Edutourism* semasa tiba di Malaysia bagi memudahkan urusan tapisan dan semakan di pintu masuk antarabangsa negara. IPT perlu menyambut pelajar/peserta di pintu masuk antarabangsa yang diwartakan oleh kerajaan Malaysia.
  - iii. Tempoh keberadaan pelajar program Mobiliti Fizikal atau peserta program *Edutourism* ini adalah tertakluk kepada tempoh kelayakan PL(S) negara masing-masing dan keperluan visa (sekiranya perlu). IPT dan para peserta hendaklah memastikan tempoh program yang disertai adalah sepadan dengan tempoh kelayakan PL(S) negara masing-masing bagi mengelakkan sebarang kesulitan. IPT hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan pelajar **melakukan pengesahan keluar dari Malaysia menerusi Exit Stamp bagi pelajar dengan PL(S) dan Check-Out Memo (COM) bagi pelajar dengan Pas Pelajar** sebaik sahaja tamat tempoh program Mobiliti Fizikal dan *Edutourism*. IPT tidak bertanggungjawab terhadap pelajar di luar tempoh keberadaan yang ditetapkan berdasarkan surat tawaran yang dikeluarkan oleh IPT.
  - iv. Kemasukan pelajar program Mobiliti Fizikal atau peserta program *Edutourism* khususnya dari negara-negara yang tidak mempunyai hubungan bilateral dengan Malaysia, berisiko menyebarkan penyakit dan mengancam keselamatan negara perlu diberikan perhatian sewajarnya dan dirujuk kepada

pihak yang berkenaan seperti Pejabat Wisma Putra berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kerana langkah ini penting agar tahap kesihatan, keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

2. Kadar Bayaran Pas

Kadar bayaran pas dan visa yang dikenakan untuk program Mobiliti Fizikal atau *Edutourism* adalah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, dan kadar caj pemprosesan permohonan pas adalah tertakluk kepada caj semasa yang ditetapkan oleh pihak EMGS.

3. Pembatalan Pas

Pas yang dikeluarkan oleh JIM boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya peserta program didapati melanggar garis panduan dan piawaian, syarat, peraturan, pekeliling dan akta yang telah ditetapkan oleh agensi kawal selia dan agensi penguat kuasa dari semasa ke semasa.

## **PEMBATALAN KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM**

Pihak KPT berhak menarik balik kebenaran pelaksanaan **Program Mobiliti Fizikal, Virtual Mobility atau Edutourism** jika IPT melanggar peraturan yang sedang berkuat kuasa.

## **PEMAKAIAN**

Pemakaian garis panduan ini dikuat kuasa kepada semua IPT yang terlibat dalam urusan pengambilan pelajar program Mobiliti. Walau bagaimanapun, IPT di Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri tersebut.

Syarat kelayakan IPT dalam pelaksanaan program Mobiliti Fizikal, *Virtual Mobility* dan *Edutourism* adalah merupakan tanggungjawab dan inisiatif kendiri pihak IPT. Ianya tidak tertakluk kepada sebarang akta yang mewajibkan pelaksanaan program tersebut.

**LAMPIRAN A**

**TATACARA PENDAFTARAN PROGRAM *EDUTOURISM*  
BAHARU IPT KEPADA KPT**

**PROSES KERJA PAKEJ *EDUTOURISM***

**01**

IPT kenal pasti dan bangunkan pakej untuk ditawarkan dan kemukakan kepada Sekretariat

**02**

Sekretariat kenal pasti pakej IPT mengikut kategori *Edutourism*

**03**

Pengesahan pakej\* *Edutourism* oleh IPT mengikut kategori

**04**

Pendaftaran pakej *Edutourism* dengan KPT

Penerbitan katalog/ buku pakej *Edutourism*



\* RUJUK BORANG PENGESAHAN PAKEJ *EDUTOURISM* DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN TINGGI,  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI  
(INBOUND) DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**



BEM/EDUTOURISM/BORANG

**BAHAGIAN EDUCATION MALAYSIA  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

**BORANG PENGESAHAN PAKEJ EDUTOURISM DI BAWAH  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**Borang Pengesahan**

**Maklumat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) (Semua maklumat wajib diisi)**

**Nama IPT\***

: \_\_\_\_\_

**Alamat\***

: \_\_\_\_\_

**Pegawai Bertanggungjawab\***

: \_\_\_\_\_

: \_\_\_\_\_

**E-mel\***

: \_\_\_\_\_

**No. Telefon/ Telefon Bimbit\***

: \_\_\_\_\_

**Pengakuan IPT**

**Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa:**

- i. *Semua maklumat dalam borang ini adalah benar dan lengkap.*
- ii. *Semua pakej Edutourism yang dihantar kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah benar dan sahih (Senarai pakej Edutourism seperti Lampiran 1).*
- iii. *Saya membenarkan KPT membuat semakan dengan pihak-pihak lain yang relevan untuk memastikan kesahihan maklumat ini dan tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap KPT dan pihak yang berkenaan; dan*
- iv. *Saya membenarkan KPT untuk membuat hebahan dan cetakan maklumat pakej Edutourism bagi tujuan promosi.*

**Tandatangan dan Cop Rasmi**

: \_\_\_\_\_

**Tarikh:**

: \_\_\_\_\_

Lampiran 1

**SENARAI PAKEJ EDUTOURISM IPT**

**Nama IPT** : \_\_\_\_\_

**Signature** \_\_\_\_\_  
**Category** : \_\_\_\_\_

Bil.	Nama Paket	Kategori Paket

**LAMPIRAN B**

**CONTOH FORMAT SURAT TAWARAN PROGRAM MOBILITI**

**LETTERHEAD**

Reference No.:

Date:

*Student Name*

*Student Address*

Dear Sir/Ms.,

**OFFER OF [Name of Mobility/Edutourism Programme] AT [Name of University]**

We are pleased to offer you admission to *[Name of University]* as a full-time undergraduate student in *[Name of Mobility/Edutourism Programme]* for *[Academic Session/Year]*. The details of the programme and the registration information are as follows:

Faculty	: <i>[Name of Faculty]</i>
Programme	: <i>[Name of Programme]</i>
Academic Advisor	: <i>[Academic Advisor's Name]</i>
Student ID	: SS22xxxxx
Study Period	: <i>[Date] [Number of Months/Semester]</i>
Registration Date	: <i>[Date]</i>
Registration Time & Venue	: <i>[Specific Time], [Specific Venue]</i>

This offer is subject to the *[Name of Relevant Committee/Department/Division]*'s decision, the University Senate's approval, and your willingness in accepting all the terms and conditions of the University. For matters relating to your Mobility programme at *[Name of University]*, kindly contact our Officer, *[Name of Officer]* at +603-xxxxxxxx, or email to [xxx@xxx.edu.my](mailto:xxx@xxx.edu.my) for any further updates and details.

Congratulations on your participation in this programme. We hope you will take full advantage of the many opportunities available to you while you are studying at *[Name of University]* and that you will find your experience rewarding.

Yours sincerely,

*[Position]  
[Name of Relevant Department/Division]  
[Name of University]*

Nota: Kandungan surat adalah tertakluk kepada keperluan program Mobiliti dan IPT masing-masing

**MUKA HADAPAN  
(LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM.... BAGI TEMPOH SEPANJANG...)  
MAKLUMAT IPT**

**(LAPORAN INI PERLU DIHANTAR KEPADA *Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi (u.p. Seksyen Koordinasi Pelajar Antarabangsa dan IPT (OA)* secara suku tahunan pada **01 April, 01 Julai, 01 Oktober dan 01 Januari setiap tahun)****

## **TAJUK LAPORAN**

---

- 1. LATAR BELAKANG**
- 2. MAKLUMAT BERKAITAN PROGRAM/AKTIVITI**
  - i. NAMA PROGRAM**
  - ii. TARikh PELAKSANAAN**
  - iii. LOKASI**
  - iv. MAKLUMAT PESERTA**
  - v. MAKLUMAT PELAKSANAAN (JADUAL DAN PENGISIAN)**
- 3. MAKLUMAT KEWANGAN**
  - i. PENJANAAN PENDAPATAN HASIL DARIPADA PELAKSANAAN PROGRAM**
  - ii. PERUNTUKAN KEWANGAN DIGUNAKAN**
- 4. ISU/ MASALAH DIHADAPI (JIKA ADA)**
- 5. MAKLUMAT PEGAWAI PENYELARAS PROGRAM**

**\*FONT TYPE & SIZE : ARIAL SIZE 12**

**\*PARAGRAPH : 1.5 LINES, JUSTIFIED**

**TERMA RUJUKAN**

**JAWATANKUASA KERJA PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI DI INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI (JK MOBILITI IPT)**

**1. OBJEKTIF**

Sebagai platform bagi membincang dan menyelaras segala isu berhubung pelaksanaan Program Mobiliti di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

**2. KEAHLIAN**

2.1 Pengurus: Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
(Penyelidikan dan Antarabangsa)

2.2 Ahli:

- 2.2.1 Jabatan Pendidikan Tinggi
- i. Bahagian Education Malaysia (BEM)
  - ii. Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA)
  - iii. Bahagian Governan IPTA (BGA)
  - iv. Bahagian Standard Swasta (BSS)
  - v. Bahagian Governan IPTS (BGS)
  - vi. Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH)

- 2.2.2 Kementerian/ Agensi Berkaitan
- i. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
  - ii. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
  - iii. Education Malaysia Global Services (EMGS)
  - iv. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
  - v. Tourism Malaysia

- 2.2.3 Institusi Pendidikan Tinggi
- i. Wakil-wakil Universiti Awam
  - ii. Wakil-wakil Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

2.3 Urus Setia: Seksyen Koordinasi Pelajar Antarabangsa dan IPT (OA), BEM

### **3. SKOP PERBINCANGAN**

- i. Membincangkan isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan dan pemantauan program Mobiliti;
- ii. Membincangkan isu-isu berkaitan prosedur kemasukan pelajar antarabangsa dan urusan imigresen di bawah program Mobiliti dan *Edutourism*;
- iii. Pelaporan dan penilaian hasil/ impak daripada pelaksanaan program;
- iv. Sebagai platform untuk membuat pengesahan dan perakuan pakej-pakej *Edutourism*;
- v. Pelaporan status pelaksanaan program *Asian International Mobility for Students* (AIMS);
- vi. Membincangkan strategi pemasaran dan peluang kerjasama dalam program Mobiliti, *Virtual Mobility* dan *Edutourism*; dan
- vii. Mengesah dan memperakukan data pelajar/ peserta Mobiliti, *Virtual Mobility* dan *Edutourism*.

### **4. KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA**


Mesyuarat JK Mobiliti IPT dijalankan dua (2) kali setahun.

### **5. PELAPORAN**

IPT menghantar pelaporan pelaksanaan program kepada Urus Setia mengikut sukuan pada 01 April, 01 Julai, 01 Oktober dan 01 Januari tahun berikutnya.


LAMPIRAN E

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM VIRTUAL  
MOBILITY (INBOUND)**




**LAMPIRAN F**

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM MOBILITI  
FIZIKAL (INBOUND)**




LAMPIRAN G

## **CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM EDUTOURISM (PELAJAR ANTARABANGSA YANG BERDAFTAR DENGAN IPT LUAR NEGARA)**




**LAMPIRAN H**

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM EDUTOURISM  
(PELAJAR ANTARABANGSA YANG BERDAFTAR DENGAN IPT DI MALAYSIA)**



LAMPIRAN I

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM EDUTOURISM  
(PELANCONG ANTARABANGSA DARI LUAR NEGARA)**









MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

JPT | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI



**GUIDELINES FOR THE  
IMPLEMENTATION OF  
MOBILITY  
PROGRAMMES  
(INBOUND)  
AT MALAYSIAN  
HIGHER EDUCATION  
INSTITUTIONS**



**GUIDELINES FOR THE  
IMPLEMENTATION OF  
MOBILITY  
PROGRAMMES  
(INBOUND)  
AT MALAYSIAN  
HIGHER EDUCATION  
INSTITUTIONS**

**First Printing 2022**

© Copyright Jabatan Pendidikan Tinggi,  
Kementerian Pengajian Tinggi

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Department of Higher Education, Ministry of Higher Education

Published in Malaysia by:

**DEPARTMENT OF HIGHER EDUCATION**

Ministry of Higher Education  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya  
Tel: 03-8870 6000 | Faks: 03-8870 6849

Printed in Malaysia by:

REKA CETAK SDN BHD  
14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5510 4254

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MOBILITI (INBOUND) DI INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**


Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2828-25-9

1. Education, Higher--Activity programs--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
2. Activity programs in education--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

378.1


e ISBN 978-967-2828-25-9



9 7 8 9 6 7 2 8 2 8 2 5 9

# CONTENT

<b>EDITORS AND APPRECIATION</b>	<b>4</b>
<b>FOREWORD</b>	<b>5</b>
<b>PREFACE</b>	<b>6</b>
<b>PROLOGUE</b>	<b>7</b>
<b>PURPOSE</b>	<b>9</b>
<b>BACKGROUND</b>	<b>9</b>
<b>INTERPRETATION</b>	<b>10</b>
<b>PROGRAMME CATEGORIES</b>	<b>14</b>
